

**PEMBANGUNAN DAN KEBOLEHGUNAAN
MODUL PENGAJARAN KEFAHAMAN MEMBACA
BAHASA MELAYU MELALUI PENDEKATAN
PENGAJARAN BAHASA ASING DALAM
KALANGAN MURID BUKAN PENUTUR NATIF**

MOHD HAFIZ BIN MOHAMAD TARMIZI

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
2023

PEMBANGUNAN DAN KEBOLEHGUNAAN MODUL PENGAJARAN
KEFAHAMAN MEMBACA BAHASA MELAYU MELALUI PENDEKATAN
PENGAJARAN BAHASA ASING DALAM KALANGAN MURID BUKAN
PENUTUR NATIF

MOHD HAFIZ BIN MOHAMAD TARMIZI

TESIS INI DIKEMUKAKAN BAGI
MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEH IJAZAH DOKTOR FALSAFAH

FAKULTI BAHASA DAN KOMUNIKASI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2023



Sila tanda (✓)

Kertas Projek

Sarjana Penyelidikan

Sarjana Penyelidikan

dan Kerja Kursus

Doktor Falsafah

✓

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH**PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN**

Perakuan ini telah dibuat pada 13 Jun 2023

i. Perakuan Pelajar:

Saya, **MOHD HAFIZ BIN MOHAMAD TARMIZI, P20191000477, FAKULTI BAHASA DAN KOMUNIKASI** dengan ini mengaku bahawa tesis yang bertajuk **PEMBANGUNAN DAN KEBOLEHGUANAAN MODUL PENGAJARAN KEFAHAMAN MEMBACA BAHASA MELAYU MELALUI PENDEKATAN PENGAJARAN BAHASA ASING DALAM KALANGAN MURID BUKAN PENUTUR NATIF** adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya.

Tandatangan pelajar

ii. Perakuan Penyelia:

Saya, **PROFESOR MADYA DR. DAHLIA BINTI JANAN** dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk **PEMBANGUNAN DAN KEBOLEHGUANAAN MODUL PENGAJARAN KEFAHAMAN MEMBACA BAHASA MELAYU MELALUI PENDEKATAN PENGAJARAN BAHASA ASING DALAM KALANGAN MURID BUKAN PENUTUR NATIF** dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian Siswazah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh **IJAZAH DOKTOR FALSAFAH**.

16 Jun 2023

Tarikh

PROF. MADYA DR. DAHLIA BINTI JANAN
Fakulti Bahasa dan Komunikasi
Universiti Pendidikan Sultan Idris
dahlia@upsi.edu.my

Tandatangan Penyelia





**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES**

**BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM**

Tajuk / Title: PEMBANGUNAN DAN KEBOLEHGUNAAN MODUL PENGAJARAN
KEFAHAMAN MEMBACA BAHASA MELAYU MELALUI PENDEKATAN
PENGAJARAN BAHASA ASING DALAM KALANGAN MURID BUKAN
PENUTUR NATIF

No. Matrik / Matric's No.: P20191000477

Saya / I : MOHD HAFIZ BIN MOHAMAD TARMIZI
(Nama pelajar / Student's Name)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana)* ini disimpan di
Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti
berikut:- *acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right
as follows:-*

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.
The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara
Institusi Pengajian Tinggi.
The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.
4. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick (✓) for category below:-

☐

SULIT/CONFIDENTIAL

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia
seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / Contains confidential
information under the Official Secret Act 1972

☐

TERHAD/RESTRICTED

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan
di mana penyelidikan ini dijalankan. / Contains restricted information as
specified by the organization where research was done

☒

TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS

(Tandatangan Pelajar/ Signature)

(Tandatangan Penyelia / Signature of Supervisor)
& (Nama & Cop Rasmi / Name & Official Stamp)

Tarikh: 16 Jun 2023

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT @ TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi
berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.

Notes: If the thesis is **CONFIDENTIAL** or **RESTRICTED**, please attach with the letter from the organization with
period and reasons for confidentiality or restriction.



PENGHARGAAN

Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang. Segala puji hanyalah layak untukNya. Selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad SAW serta ahli keluarga dan sahabat baginda sekalian. Syukur ke hadrat ilahi kerana memberi saya kesihatan yang baik dan kematangan fikiran untuk menyiapkan tesis ini. Tanpa doa kedua ibu bapa, tidak mungkin saya akan sampai ke tahap ini. Terima kasih kepada kedua ibu bapa saya, Hj Mohamad Tarmizi Omar dan Hj Mariam Mohd Yasin yang tidak pernah jemu berdoa dan memberi sokongan selama ini. Semoga Allah mengurniakan mereka kesihatan yang baik atas segala pengorbanan yang telah diberikan mereka sejak saya masih kecil lagi. Terima kasih buat tulang belakang saya, isteri tercinta Izni Munira Halim kerana tidak pernah berputus asa memberi sokongan, dorongan dan berkorban untuk saya. Terima kasih kerana banyak membantu dan sentiasa ada di sisi menghadapi masa-masa sulit yang amat berharga bagi saya. Allah sahaja yang dapat membalas jasa beliau. Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih yang tidak terhingga kepada penyelia utama saya, Prof. Madya Dr. Dahlia Binti Janan atas ketekunan, kesabaran, dan tunjuk ajar yang diberikan. Beliau sentiasa ada di saat saya memerlukan sokongan, sering menadah telinga, memberi nasihat, bimbingan kepada saya serta tanpa lelah dan jemu melayan karenah dan ragam saya selama ini. Syukur kepada Allah kerana mengurniakan rezeki penyelia yang amat baik dan memahami pelajarinya. Ucapan penghargaan juga kepada Kementerian Pendidikan Malaysia atas tajaan melalui Hadiah Latihan Persekutuan yang diberikan. Tidak lupa juga kepada Universiti Pendidikan Sultan Idris khususnya Fakulti Bahasa dan Komunikasi, universiti-universiti awam, Jabatan Pendidikan Negeri, Pejabat Pendidikan Daerah dan sekolah-sekolah yang terlibat dalam penyelidikan ini. Buat anak-anak tercinta, Izzhani Adilea, Hana Insyirah, Muhammad Muaz dan Muhammad Aisy, semoga tesis ini menjadi pembakar semangat buat kalian pada masa hadapan. Tesis ini bukanlah kejayaan saya seorang tetapi merupakan simbol kejayaan kepada ahli keluarga, sahabat dan semua kenalan yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung sepanjang penyelidikan ini dijalankan. Semoga Allah merahmati kita semua dan usaha ini. Amin.



ABSTRAK

Penyelidikan ini bertujuan untuk membantu pengajaran guru berkaitan ketidakfahaman membaca murid bukan penutur natif Bahasa Melayu dengan membangunkan modul pengajaran kefahaman membaca melalui pendekatan pengajaran bahasa asing. Pendekatan reka bentuk dan pembangunan (DDR) yang mengandungi tiga fasa iaitu analisis keperluan (tujuh pakar dan 302 dokumen murid), diikuti fasa reka bentuk dan pembangunan (15 pakar bidang) serta penilaian kebolegunaan modul (3 pakar, 156 guru dan 13 murid bukan penutur natif). Dapatan fasa analisis keperluan menunjukkan keperluan enam elemen dalam modul iaitu (1) kaedah pengajaran yang sesuai (2) bahan pengajaran sesuai dengan tahap kognitif (3) interaksi bermakna (4) ekstralinguistik (5) motivasi (6) aktiviti kolaborasi dan koperatif berpandu. Dapatan rekabentuk dan pembangunan modul memperoleh konsensus pakar melebihi 75% dengan seluruh item yang dipilih memenuhi syarat kesepakatan antara pakar dengan nilai *defuzzification Alpha-Cut* (α -Cut) melebihi 0.5 (>0.5) dan nilai *threshold*(d) kurang daripada 0.2 (<0.2). Bagi purata kesahan kandungan berdasarkan peratusan dan indeks kesahan kandungan (CVI). Purata kesahan kandungan keseluruhan modul adalah sebanyak 94% (kemudahan 96.7%, kandungan 90.8%, aktiviti 93.2%, kesesuaian 95.6%, penilaian 93.8%) dan nilai 1 diperoleh melalui kiraan CVI, I-CVI dan S-CVI. Dapatan fasa penilaian kebolegunaan modul melalui temu bual mendapati modul memperoleh (1) tahap kebolehlaksanaan yang tinggi (2) sesuai dengan keperluan pelajar (3) dapat menangani organisasi pembelajaran sosial (4) menyumbang kepada sumber pembelajaran (5) menyokong tingkah laku umum dan motivasi pengguna. Selain itu, dapatan kebolegunaan modul yang melalui *Usability Pedagogical Test* menunjukkan persetujuan tinggi dalam kalangan pengguna iaitu nilai min ($\mu = 4.0765$) dan sisihan piawai ($\sigma_x = .55296$). Kesimpulannya, penilaian kebolegunaan modul ini yang mencapai tahap tinggi menunjukkan ia dapat membantu pengajaran terutama aspek kefahaman membaca. Implikasinya modul pengajaran aspek kefahaman membaca ini boleh digunakan bagi mengajar Bahasa Melayu kepada murid bukan penutur natif.

DEVELOPMENT AND USABILITY OF MALAY READING COMPREHENSION TEACHING MODULE THROUGH FOREIGN LANGUAGE TEACHING APPROACH AMONG NON-NATIVE SPEAKERS STUDENTS

ABSTRACT

This research aims to help teachers' teaching related to non-native speaker students lack of reading comprehension by developing a reading comprehension teaching module through a foreign language approach. A design and development research (DDR) involving three phases, which are needs analysis (seven experts and 302 student documents), followed by the design and development phase (15 experts in the field experts), and the evaluation of the module's usability (3 experts, 156 teachers, and 13 non-native students). The findings of the needs analysis phase show that the module requires six elements; (1) appropriate teaching methods (2) teaching materials that match the cognitive level (3) meaningful interaction (4) extralinguistic (5) motivation (6) guided collaborative and cooperative activities. The results of the design and development of the module revealed an expert consensus of more than 75%, with all selected items meeting the conditions of inter-expert agreement with an alpha cut (α -cut) defuzzification value of more than 0.5 (> 0.5) and a threshold (d) value of less than 0.2 (< 0.2). For average content validity based on percentage and content validity index (CVI). The average content validity of the whole module is 94% (usability 96.7%, content 90.8%, activity 93.2%, suitability 95.6%, evaluation 93.8%), and the value of 1 is obtained by counting CVI, I-CVI and S-CVI. The results of the usability evaluation phase of the module through interviews found that the module obtained (1) has a high level of feasibility (2) meet students' need (3) is able to address social learning organizations (4) contributed to learning resources, and (5) supports user overall behaviour and motivation. In addition, the usability results of the module that underwent the usability pedagogy test showed high agreement among users, as evidenced by the mean ($\mu = 4.0765$) and standard deviation ($\sigma x = .55296$). In conclusion, the usability of this module reached a high level, showing that it can support teaching, especially the reading comprehension aspect. It follows that this teaching module can be used for reading comprehension for teaching the Malay language to non-native speakers.



KANDUNGAN

Muka Surat

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN	ii
PENGESAHAN PENYERAHARAN TESIS	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xii
SENARAI RAJAH	xvi
SENARAI SINGKATAN	xx
SENARAI LAMPIRAN	xxii
BAB 1 PENGENALAN	
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	4
1.3 Penyataan Masalah	15
1.4 Tujuan Kajian	20
1.5 Objektif Kajian	21
1.6 Soalan Kajian	22
1.6.1 Fasa Satu: Analisis Keperluan	22
1.6.2 Fasa Dua: Reka bentuk dan Pembangunan	23
1.6.3 Fasa Tiga: Penilaian Modul Pengajaran	23
1.7 Batasan Kajian	24
1.8 Kepentingan Kajian	25



1.9	Definisi Operasional	28
1.9.1	Kebolegunaan	28
1.9.2	Modul Pengajaran	29
1.9.3	Kefahaman Membaca	30
1.9.4	Bahasa Asing	32
1.10	Rumusan	32

BAB 2 KAJIAN LITERATUR

2.1	Pendahuluan	34
2.2	Teori-Teori Sandaran	35
2.2.1	Perkembangan Teori Pengajaran Bahasa Asing	35
2.2.2	Teori Pemerolehan Bahasa Asing	44
2.2.3	Teori Pembelajaran Bahasa	57
2.3	Kefahaman Membaca	63
2.3.1	Teori dan Model Kefahaman Membaca	66
2.3.2	Analisis Bibliometrik Kefahaman Membaca	73
2.3.3	Kajian Literatur Sistemik (SLR) Kefahaman Membaca di Sekolah Rendah	91
2.3.4	Kajian Berkaitan Bukan Penutur Natif Bahasa Melayu	114
2.4	Pembangunan Modul dan Model Berkaitan	127
2.4.1	Model Dudley Evans & St. John	135
2.4.2	Model ADDIE	138
2.4.3	Model Kebolegunaan Pedagogi (<i>Pedagogical Usability</i>)	141
2.5	Kerangka Konseptual Kajian	146
2.6	Kerangka Teori Kajian	148
2.7	Rumusan	150

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pendahuluan	151
3.2	Reka Bentuk Kajian	152
3.3	Instrumen Kajian	157
3.3.1	Protokol Temu bual	158
3.3.2	Senarai Semak Analisis Dokumen	159
3.3.3	Borang Soal Selidik	159
3.4	Sampel Kajian	160
3.5	Kajian Rintis	162
3.6	Prosedur Penganalisisan Data Kajian	165
3.7	Prosedur Pengumpulan Data Kajian	167
3.8	Kesahan dan Kebolehpercayaan Kajian	170
3.9	Etika dalam Penyelidikan	176
3.10	Matrik Kajian	177
3.11	Rumusan	178

BAB 4 REKA BENTUK PEMBANGUNAN MODUL

4.1	Pendahuluan	180
4.2	Fasa Analisis Keperluan	181
4.2.1	Prosedur Kajian	185
4.2.2	Peserta Kajian	188
4.2.3	Instrumen Kajian	191
4.2.4	Analisis Data	199
4.3	Fasa Reka bentuk dan Pembangunan	201
4.3.1	Prosedur Kajian	205
4.3.2	Peserta Kajian	208
4.3.3	Instrumen Kajian	210

4.3.4	Analisis data	212
4.4	Fasa Penilaian	217
4.4.1	Prosedur Kajian	221
4.4.2	Peserta Kajian	231
4.4.3	Instrumen Kajian	234
4.4.4	Analisis Data	239
4.7	Rumusan	251

BAB 5 DAPATAN KAJIAN

5.1	Pendahuluan	253
5.2	Dapatan Fasa Analisis Keperluan	254
5.2.1	Pengekodan transkrip dan dokumen	255
5.2.2	Temu bual Pakar	267
5.2.3	Analisis dokumen	299
5.2.4	Dapatan kajian berpandukan Model Dudley-Evans & St. John (1998)	313
5.3	Dapatan Fasa Reka bentuk dan Pembangunan	319
5.3.1	Reka bentuk Modul	320
5.3.2	Dapatan <i>Fuzzy Delphi</i>	325
5.3.3	Pembangunan Modul	334
5.4	Dapatan Fasa Penilaian	357
5.4.1	Kesahan Kandungan Modul	358
5.4.2	Analisis Tematik Deduktif	371
5.4.3	Analisis Statistik Deskriptif	381
5.5	Rumusan	404

BAB 6 PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN

6.1	Pendahuluan	406
6.2	Ringkasan Kajian	407
6.3	Perbincangan	412
6.3.1	Perbincangan Dapatan Fasa Analisis Keperluan	412
6.3.2	Perbincangan Dapatan Fasa Reka bentuk dan Pembangunan	417
6.3.3	Perbincangan Dapatan Fasa Penilaian	425
6.4	Kekuatan dan Kelemahan Modul	430
6.5	Kesimpulan	431
6.6	Implikasi Kajian	433
6.6.1	Implikasi Teoretikal	434
6.6.2	Implikasi Terhadap Metodologi	436
6.6.3	Implikasi Terhadap Pedagogi	438
6.7	Cadangan	441
6.8	Rumusan	445

RUJUKAN	446
----------------	-----

LAMPIRAN



SENARAI JADUAL

Jadual		Muka Surat
1.1	Dapatan Kajian KPM terhadap minat bagi matapelajaran Bahasa Melayu	8
1.2	Keputusan Bahasa Melayu Pemahaman SJK Tahun 2018 dan 2019	16
2.1	Kronologi Pengajaran Bahasa Asing dalam Pendidikan	37
2.2	Konsep Teori Piaget dengan Konteks Kajian	57
2.3	Tahap Perkembangan Mental Teori Piaget	58
2.4	Maklumat Utama Data Bibliometrik Kefahaman Membaca	76
2.5	Perkembangan Penerbitan Kefahaman Membaca Mengikut Tahun	788
2.6	20 Jurnal Paling Aktif Bidang Kefahaman Membaca	80
2.7	20 Negara Teratas bagi Sumbangan Penerbitan Bidang Kefahaman Membaca	83
2.8	10 Pengarang Paling Banyak Terbitan dalam Bidang Kefahaman Membaca	84
2.9	20 Artikel Paling banyak Sitasi dalam Bidang Kefahaman Membaca	866
2.10	Kluster dan Kata Kunci dalam Bidang Kefahaman Membaca	89
2.11	Rentetan Carian Penuh (<i>Full Search String</i>)	93
2.12	Kriteria Pemilihan Artikel	93





2.13	Hasil Dapatan Kajian Sistematis Literatur Bidang Kefahaman Membaca dan Implikasinya	95
2.14	Perkaitan Kajian Terpilih dengan Tema Utama	106
2.15	Rancangan Pengajaran (Green, 2018)	125
2.16	Proses dalam Model ADDIE	139
2.17	Penggabungan DDR dan Model ADDIE	140
2.18	Huraian dimensi kebolegunaan pedagogi Nokelainen, P. (2006)	144
3.1	Jenis Penyelidikan Reka bentuk dan Pembangunan	153
3.2	Rumusan jenis DDR	154
3.3	Fasa Penyelidikan Reka bentuk dan Pembangunan (DDR)	155
3.4	Status Pelaksanaan Proses Kajian	155
3.5	Kaedah Pengumpulan Data dalam DDR	156
3.6	Instrumen Kajian Setiap Fasa	157
3.7	Sampel Kajian	161
3.8	Kaedah analisis kajian	166
3.9	Kesahan dan Kebolehpercayaan Instrumen Kajian Mengikut Fasa	171
3.10	Matrik Kajian	177
4.1	Keterangan Fasa Analisis Keperluan	185
4.2	Demografi Peserta Kajian	189
4.3	Taburan Ciri Peserta Kajian	190
4.4	Keterangan Fasa Reka bentuk dan Pembangunan	204
4.5	Tafsiran Skala dengan Skor Pemboleh Ubah Linguistik	213



4.6	Keterangan Fasa Penilaian Kebolegunaan	221
4.7	Peserta Kajian Kebolegunaan Modul	231
4.8	Demografi Peserta Temu bual Kebolegunaan Modul	232
4.9	Keterangan dan Kiraan I-CVI, S-CVI/Ave dan S-CVI/UA	241
4.10	Pengekodan I-CVI daripada skala Likert	243
4.11	Nilai CVI Mengikut Bilangan Pakar	243
4.12	Pemilihan Kod daripada Model Kebolegunaan Pedagogi	246
5.1	Keterangan Bab Dapatan Kajian	252
5.2	Bilangan Kod Mengikut Kategori	257
5.3	Bilangan Tema bagi Setiap Kategori	259
5.4	Kecenderungan Pakar dalam Temu bual	266
5.5	Pecahan dapatan Kajian Berpandukan Komponen Model Dudley-Evans & St. John (1998)	314
5.6	Pengkhususan teori dan model bagi reka bentuk modul	323
5.7	Nilai <i>threshold</i> , nilai α -Cut, dan kesepakatan pakar bagi setiap elemen kandungan bahan bacaan	324
5.8	Nilai <i>threshold</i> , nilai α -Cut, dan kesepakatan pakar bagi setiap elemen strategi pengajaran	326
5.9	Nilai <i>threshold</i> , nilai α -Cut, dan kesepakatan pakar bagi setiap elemen aktiviti pengajaran	328
5.10	Nilai <i>threshold</i> , nilai α -Cut, dan kesepakatan pakar bagi setiap elemen penilaian pengajaran	330
5.11	Matrik Kandungan Modul	335
5.12	Contoh perkaitan rancangan pengajaran harian (RPH) dengan teori dan model kajian	337

5.13	Penerapan Model Transactional Rosenblatt dalam puisi	345
5.14	Frekuensi, peratus dan CVI bagi kemudahangunaan modul	359
5.15	Frekuensi, peratus dan CVI bagi kandungan modul	360
5.16	Frekuensi, peratus dan CVI bagi tugas dan aktiviti pengajaran	362
5.17	Frekuensi, peratus dan CVI bagi kesesuaian modul	364
5.18	Frekuensi, peratus dan CVI bagi penilaian pengajaran	366
5.19	Item yang mendapat peratusan persetujuan paling sedikit	367
5.20	Purata peratus bagi keseluruhan kandungan modul	370
5.21	Kekerapan <i>quote</i> kategori kod mengikut Model Kebolegunaan Pedagogi	372
5.22	Peratusan demografi responden kajian	383
5.23	Peratus, min dan sisihan piawai item soal selidik	384
5.24	Nilai min (μ) dan sisihan piawai (σ_x) bagi setiap komponen Model Kebolegunaan Pedagogi	388
5.25	Dapatan ujian-t bagi jantina lelaki dan perempuan	391
5.26	Dapatan ujian-t bagi pengkhususan guru mengajar Bahasa Melayu	395
5.27	Dapatan ujian-t bagi SJKC dan SJKT	400



SENARAI RAJAH

Rajah		Muka Surat
1.1	Pencapaian guru bukan pengkhususan Bahasa Melayu dalam Ujian Kecekapan Bahasa Melayu	9
1.2	Bilangan peratus guru bukan pengkhususan Bahasa Melayu Sekolah Rendah	17
2.1	Kerangka model Ellis, R. (1994)	55
2.2	Protokol Carian Bibliometrik	75
2.3	Jaringan Penerbitan Mengikut Selang Masa (<i>Overlay View</i>) Bidang Kefahaman Membaca	81
2.4	Bilangan Penerbitan Mengikut Negara dalam Bidang Kefahaman Membaca	82
2.5	<i>Co-occurrence</i> Seluruh Kata Kunci	88
2.6	Kata Kunci mengikut Sela Masa	90
2.7	Jaringan Kata kunci dan dokumen	91
2.8	Protokol Carian Sistematis	94
2.9	Model Dudley-Evans & St. John (1998)	136
2.10	Model Kebolegunaan Pedagogi Nokelainen, P. (2006)	144
2.11	Kerangka Konseptual Kajian	147
2.12	Kerangka Teori Kajian	149
3.1	Prosedur Menjalankan Kajian	168





4.1	Carta Alir Analisis Keperluan	182
4.2	Prosedur kutipan data fasa analisis keperluan	186
4.3	Triangulasi sumber data fasa analisis keperluan	187
4.4	Proses pengambilan peserta kajian	194
4.5	Protokol temu bual berpanduan Model Responsif Temu bual Rubin & Rubin (2011)	193
4.6	Proses analisis dokumen	198
4.7	Proses analisis data	200
4.8	Carta Alir Reka bentuk dan Pembangunan	202
4.9	Proses Reka bentuk dan Pembangunan	203
4.10	Prosedur kutipan data fasa reka bentuk dan pembangunan	205
4.11	Nilai persetujuan <i>Fuzzy</i>	214
4.12	Penerimaan item melalui teknik <i>Fuzzy delphi</i>	216
4.13	Carta Alir Fasa Penilaian	219
4.14	Pecahan Golongan Penilai	220
4.15	Prosedur kutipan data fasa penilaian	223
4.16	Prosedur pelaksanaan kesahan kandungan modul	226
4.17	Proses temu bual pengguna	228
4.18	Prosedur pelaksanaan tinjauan kepada pengguna	230
4.19	Instrumen fasa penilaian kebolegunaan modul	235
4.20	Protokol temu bual fasa penilaian	236
4.21	Jenis analisis data bagi penilaian kebolegunaan modul	240
4.22	Proses analisis tematik deduktif	245





5.1	Proses pengekodan transkrip analisis keperluan	256
5.2	Proses pengkategorian kod analisis keperluan	257
5.3	Proses menghubungkan kod	258
5.4	Tema dalam setiap kategori kod	259
5.5	Proses pengekodan dokumen murid	260
5.6	Proses penghasilan tema bagi dokumen murid	261
5.7	Contoh perkaitan antara transkrip dan dokumen	262
5.8	Rantaian perkaitan kefahaman membaca	263
5.9	Jadual <i>co-document</i> bagi melihat kecenderungan pakar	264
5.10	<i>Sankey diagram</i> kecenderungan pakar	265
5.11	Contoh latihan binaan ayat	301
5.12	Terjemahan secara langsung bahasa ibunda	302
5.13	Contoh murid tidak memahami soalan	304
5.14	Jawapan dengan bantuan guru	307
5.15	Jawapan dengan bantuan guru	307
5.16	Contoh kesukaran menjawab soalan aras tinggi	309
5.17	Jadual tugas secara maya	311
5.18	Lampiran tugas menggunakan <i>google classroom</i>	312
5.19	<i>Sankey diagram</i> dapatan analisis keperluan bersama dengan teori, model dan DSKP	319
5.20	Kekerapan tema mengikut teori dan model kajian	322
5.21	Komponen dalam Modul KEMAM	337
5.22	Panduan penggunaan modul kepada pengguna	338



5.23	Contoh Modul Murid	347
5.24	Perkaitan antara komponen dalam Modul KEMAM	349
5.25	Perkaitan antara petikan dalam unit	350
5.26	Bahagian Bijak Kosa Kata	351
5.27	Contoh Kepelbagaian Latihan Murid	352
5.28	Contoh paparan laman sesawang Modul KEMAM	354
5.29	Contoh kemudahan Modul Kemam	355
5.30	Contoh aplikasi telefon pintar Modul KEMAM	356
5.31	Penambahbaikan pada modul	369
5.32	Hubungan kod dengan Model Kebolegunaan Pedagogi	372
5.33	<i>Sankey diagram</i> kekerapan <i>quote</i> tertinggi dengan peserta temu bual	373
5.34	Demografi responden kajian	382
6.1	Gambaran keseluruhan elemen dalam modul berdasarkan persetujuan pakar	420
6.2	Kerangka pengajaran dan pembelajaran kefahaman membaca	434

SENARAI SINGKATAN

ATLAS.ti	<i>Archive for Technology, Lifeworld and Everyday Language.text interpretation</i>
BBM	Bahan Bantu Mengajar
BPK	Bahagian Pembangunan Kurikulum
CI	<i>Construction-Integration Model</i>
CVI	Indeks Kesahan Kandungan
DDR	Kajian Reka bentuk dan Pembangunan
DSKP	Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran
FDM	<i>Kaedah Fuzzy Delphi</i>
IPS	Institut Pengajian Siswazah
ISD	Kajian Instruksional
JPN	Jabatan Pendidikan Negeri
KBAT	Kemahiran Berfikir Aras Tinggi
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
KSBM	Kerangka Standard Bahasa Melayu
KSSR	Kurikulum Standard Sekolah Rendah
LS	Teori <i>Landscape</i>
LSA	Analisis Pembelajaran Semasa
MA	Analisis Makna
MR	<i>Mixed Reality</i>
PADU	Unit Pelaksanaan dan Prestasi Pendidikan

PAK21	Pengajaran Abad ke-21
PdPc	Pengajaran dan Pemudahcaraan
PITO	Program Intervensi Tambah Opsyen
PPD	Pejabat Pendidikan Daerah
PPPM	Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia
PSA	Analisis Sasaran Semasa
RMIC	Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi
RPH	Rancangan Pengajaran Harian
SJK	Sekolah Jenis Kebangsaan
SJKC	Sekolah Jenis Kebangsaan Cina
SJKT	Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil
SK	Standard Kandungan
SP	Standard Pembelajaran
SPB	Strategi Pembelajaran Bahasa
SPSS	<i>Statistical Packages for Social Science</i>
TSA	Analisis Situasi Sasaran
UKBM	Ujian Kecekapan Bahasa Melayu
UPSI	Universiti Pendidikan Sultan Idris
VR	<i>Virtual Reality</i>
ZPD	Zon Perkembangan Proksimal



SENARAI LAMPIRAN

A	Kelulusan Jawatankuasa Etika
B1	Surat Kebenaran Menjalankan Kajian KPM
B2	Surat Kebenaran Menjalankan Kajian JPN
B3	Surat Kebenaran Menjalankan Kajian PPD
B4	Surat Kebenaran Menjalankan Kajian UPSI
B5	Surat Kebenaran Mengedar Soal Selidik
C	Helaian Maklumat Panel Pakar
D	Kesahan Instrumen Soal Selidik <i>Fuzzy</i>
E	Soal Selidik Pakar Reka bentuk dan Pembangunan
F1	Surat Persetujuan Panel Pakar
F2	Surat Persetujun Perujuk Utama Bidang
G	Surat Akuan Pelindungan Data
H	Surat Makluman Temu bual Analisis Keperluan
I	Helaian Maklumat Sekolah xxx
J	Helaian Maklumat Panel Pakar xxx
K	Surat Akuan Persetujuan Murid
L	Dapatan <i>Alpha Cronbach</i>
M	Senarai Semak Dokumen Murid



BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Bahasa Melayu bukanlah bahasa yang asing terutamanya di Nusantara ini. Pengguna Bahasa Melayu antara yang teramai di dunia lebih-lebih lagi di Asia Tenggara. Bahasa Melayu pernah menjadi bahasa lingua franca sejak zaman kemasyhuran kerajaan Melayu Melaka lagi. (Hamzah, 2017; Raja Masittah & Norazlina, 2017; Shalizaini Uyob & Che Ibrahim Salleh, 2017; Fadzil et al., 2018; Mashudi et al., 2019). Jumlah penutur Bahasa Melayu telah melebihi 250 juta dan dijangka mencapai 300 juta menjelang 2020 (Ku Hasnita et al., 2013). Beberapa negara di dalam Asia Tenggara



menggunakan Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan termasuklah Malaysia (Shalizaini Uyob & Che Ibrahim Salleh, 2017; Romli et al., 2021). Namun begitu, masih terdapat pelajar dan masyarakat kini yang kurang fasih dan mahir dalam penguasaan Bahasa Melayu sama ada secara tulisan mahupun lisan. Penguasaan berBahasa Melayu sebagai bahasa kedua atau asing perlu dikaji dalam kalangan murid bukan penutur natif untuk membina bangsa Malaysia yang beridentiti (Khairul Nizam, 2017). Pembangunan modul pengajaran ini memberi fokus kepada pengguna Bahasa Melayu yang jarang menggunakan Bahasa Melayu dalam kehidupan seharian agar dapat menguasai Bahasa Melayu dengan baik. Pembangunan modul turut melihat kepada tahap kebolehbacaan teks Bahasa Melayu agar bersesuaian dengan tahap penguasaan murid-murid. Pemilihan tajuk kajian yang berkaitan adalah supaya kajian ini dapat memberi gambaran yang jelas dan tepat kepada pembaca dan pengkaji di luar sana agar bidang ini dapat diperluaskan lagi pada masa hadapan.



Umum mengetahui bahawa Bahasa Melayu merupakan bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi di Malaysia seperti yang diperuntukkan di bawah Perkara 152 Perlembagaan Persekutuan. Bagi memartabatkan Bahasa Melayu, undang-undang seperti Akta 32 atau lebih dikenali dengan Akta Bahasa Kebangsaan 1963/67 diperuntukkan bagi memastikan bahasa kebangsaan terus dimartabatkan. Sultan Nazrin Muizzuddin Shah turut bertitah:

“Adalah janggal dan ironis, jika ada seseorang yang bertaraf warganegara Malaysia, dengan mendapat segala nikmat dan keistimewaan seorang warga negara, tetapi tidak boleh memahami, tidak boleh bertutur, tidak boleh menulis





dan tidak boleh membaca di dalam bahasa kebangsaan negaranya” (Berita Harian, 23 Oktober, 2017).

Tidak dinafikan pengaruh bahasa lain turut menjadi penyumbang kepada kelemahan penggunaan bahasa kebangsaan ini. Kewujudan bahasa yang bercampur aduk; percampuran dan penukaran kod memberikan impak yang besar kepada Bahasa Melayu (Siti Rahimah, Raja Masittah dan Normahdiah, 2014; Mashudi et al., 2019). Jelas menunjukkan pihak yang pelbagai peringkat cenderung meluahkan kekesalan penggunaan bahasa kebangsaan, ini menunjukkan rencamnya penggunaan Bahasa Melayu dan perlu penambahbaikan untuk pengguna bahasa itu sendiri.

Bab ini menjelaskan secara keseluruhan berkenaan kajian yang ingin dilaksanakan serta diuraikan dalam beberapa sub topik kecil seperti latar belakang kajian, pernyataan masalah, tujuan kajian, objektif kajian, batasan kajian dan soalan kajian. Di samping itu, definisi operasional dan kepentingan kajian turut dibincangkan dalam bab ini. Latar belakang kajian menerangkan aspek-aspek yang terlibat sama ada secara langsung mahupun tidak langsung dalam melaksanakan kajian ini. Pernyataan masalah dalam kajian ini menerangkan tentang faktor-faktor yang mendorong kajian ini dilaksanakan berikutan keperluan dan masalah-masalah yang timbul dalam situasi semasa. Selain itu, objektif dan soalan kajian turut dibincangkan bagi menentu arah hasil kajian ini. Manakala batasan kajian dalam bab ini bagi menjelaskan limitasi kajian yang dilaksanakan agar jelas pengkhususan dalam kajian ini. Kepentingan kajian turut dijelaskan bagi memenuhi tuntutan atau kehendak kumpulan tertentu agar kajian ini relevan dan sesuai dengan situasi semasa. Oleh itu, bab ini membincangkan secara terperinci tentang faktor yang berkaitan dengan kajian untuk mendapatkan hasil yang





diinginkan serta menjawab kepada setiap persoalan yang diajukan dalam kajian bagi memenuhi kehendak objektif kajian.

1.2 Latar Belakang Kajian

Bahasa Melayu merupakan satu bahasa yang moden, mudah dipelajari (Raja Masittah & Norazlina, 2017; Huey-Nah Cindy Chou, 2021), dinamik dan sentiasa berkembang mengikut zaman (Hamzah, 2017) dan banyak digunakan terutama di negara ASEAN (Hamzah, 2017; Raja Masittah & Norazlina, 2017; Shalizaini Uyob & Che Ibrahim Salleh, 2017; Huey-Nah Cindy Chou, 2021). Mungkin ramai kurang sedar bahawa penerimaan bahasa Melayu di luar negara menunjukkan petanda positif. Pengajian Melayu mendapat tempat di luar negara seperti di Jerman (Awang Sariyan, 2011; Noor Zuhidayah et al., 2016), Moscow serta dari negara China (Victor, 2011; Ku Hasnita et al., 2013; Awang Sariyan, 2017; Huey-Nah Cindy Chou, 2021) kerana ramai pelajar China yang ingin mempelajari bahasa Melayu dan mendapatkan ijazah dalam bidang Pengajian Melayu (Salinah & Rohaidah, 2016).

Ini menunjukkan bahawa Bahasa Melayu masih berkembang dan seakan tidak akan pupus dan pelbagai usaha perlu digiatkan bagi mendaulatkan dan melestarikan bahasa Melayu di persada antarabangsa (Graf, 2020). Namun begitu, kepupusan itu harus dinilai atau dilihat dari segi aspek yang kompleks dan beralih daripada kedudukan bahasa yang besar kepada bahasa yang kecil (Rahilah Omar, Nasrun Alias & Teo Kok Seong, 2016). Jika dilihat keadaan di negara kita, pengajaran dan pembelajaran Bahasa





Melayu perlu diperbaiki serta memerlukan sokongan tambahan bagi membantu murid bukan penutur natif Bahasa Melayu menguasai Bahasa Melayu (Chew Fong Peng, 2016; Winskel, 2020).

Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 ada menyatakan bahawa penekanan terhadap penguasaan bahasa Melayu bagi setiap murid untuk menguasai kemahiran dalam bahasa Melayu dan murid turut digalakkan mempelajari bahasa tambahan. Keperluan murid menguasai bahasa Melayu adalah sangat kritikal atas faktor berikut:

- i. Kepelbagaian budaya masyarakat mewujudkan persekitaran semula jadi yang kondusif untuk melahirkan murid yang menguasai kemahiran lebih daripada satu bahasa.
- ii. Sistem pendidikan semasa dapat menyediakan keberhasilan pembelajaran yang membanggakan bagi bahasa Melayu.
- iii. Peningkatan kemahiran penguasaan bahasa Melayu semua murid menjadi keutamaan.
- iv. Kurikulum baharu Bahasa Melayu dirangka untuk mengajar murid yang bahasa ibundanya bukan bahasa Melayu dan murid yang waktu pengajaran bahasa Melayu kurang berbanding murid sekolah kebangsaan.

Ini menunjukkan bahawa Bahasa Melayu menjadi inti pati penting dalam sistem pendidikan. Masyarakat bukan penutur natif di Malaysia umumnya mempunyai kelebihan untuk belajar lebih daripada satu bahasa kerana hidup dalam budaya yang pelbagai. Penyelidik melihat perlunya satu bahan atau medium bagi membantu





pengajaran bahasa Melayu agar seimbang dengan kurikulum baharu serta dapat memudahkan pengajaran guru di dalam bilik darjah.

Pendidikan masa kini memerlukan golongan pendidik menggalas tugas yang lebih mencabar serta memerlukan golongan pendidik mengajar berdasarkan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT). Pelbagai aspek yang ditekankan kepada golongan pendidik ini agar mereka dapat mengajar murid mengikut arus global yang menekankan Pembelajaran dan Pengajaran Abad Ke-21 (PAK21). Golongan pendidik perlu menghasilkan atau menterjemahkan hasil pengajaran dengan melahirkan murid yang mempunyai kefahaman dan kecerdasan aras tinggi tentang ilmu yang disampaikan agar seiring dengan perkembangan semasa global pada masa kini. Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM,2013) ada menyebut bahawa asas kejayaan sistem persekolahan bergantung kepada apa yang murid mesti tahu, faham, dan mampu lakukan.

Bukan sekadar itu, standard prestasi untuk melihat kemajuan dan pertumbuhan pembelajaran serta pencapaian prestasi seseorang turut digubal seiring dengan keperluan global. Standard yang digubal merupakan proses mendapatkan maklumat tentang sejauh mana murid tahu, faham dan boleh buat atau lebih menguasai apa yang dipelajari berdasarkan pernyataan standard prestasi yang ditetapkan mengikut tahap-tahap pencapaian seperti yang dihasratkan dalam dokumen kurikulum.

(Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) Bahasa Melayu, Kementerian Pendidikan Malaysia, 2018)





Di samping itu, DSKP ini turut dibina berasaskan enam tunjang sebagai domain utama yang menyokong antara satu sama lain dan disepadukan dengan pemikiran kritis, kreatif dan inovatif. Hal ini bertujuan untuk membangunkan modal insan yang seimbang, berpengetahuan dan berketerampilan. Lantaran itu, golongan pendidikan berhadapan dengan satu cabaran baharu yang mana memerlukan mereka untuk mengajar agar anak murid dapat memahami dan memperoleh manfaat daripada pelbagai jenis bahan rangsangan sama ada mudah mahupun sukar. Tambahan pula, murid-murid yang perlu dihasilkan mestilah bukan sahaja memahami isi pelajaran, tetapi boleh menterjemahkan kefahaman mereka dengan perlakuan yang dikehendaki.



Melayu yang bersekolah di SJK menggunakan bahasa Melayu di luar persekitaran kebiasaan mereka dan ini menunjukkan bahawa bahasa Melayu merupakan bahasa asing bagi murid-murid ini. Selain itu, murid di SJK tidak mempunyai minat yang tinggi terhadap bahan bahasa Melayu. Ini boleh dilihat melalui laporan Unit Pelaksanaan dan Prestasi Pendidikan (PADU), pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah menjalankan kajian pada tahun 2016 bagi melihat minat murid terhadap mata pelajaran Bahasa Melayu, karya bahasa Melayu, pembacaan karya bahasa Melayu, dan siaran televisyen dalam bahasa Melayu. Berikut merupakan dapatan bagi murid yang berada di SJK:



Jadual 1.1

Dapatan Kajian KPM terhadap minat bagi matapelajaran Bahasa Melayu

Kriteria	Peratus				
	Sangat Tidak Berminat	Tidak Minat	Kurang Minat	Minat	Sangat Minat
Mata pelajaran Bahasa Melayu	4.8	19.1	23.8	33.3	19.1
Karya Bahasa Melayu	9.5	28.6	33.3	23.8	4.8
Pembacaan karya Bahasa Melayu	9.5	33.3	42.9	0	14.3
Siaran Televisyen Bahasa Melayu	23.8	23.8	33.3	14.3	4.8


Sumber: Pelan hala tuju pendidikan Bahasa Melayu 2016-2025

Berdasarkan Jadual 1.1, jelas menunjukkan bahawa purata murid di SJK tidak mempunyai tahap minat yang tinggi terhadap sebarang bahan bahasa Melayu sama ada bahan bercetak, siaran televisyen mahupun keinginan mereka sendiri. Ini merupakan cabaran terhadap KPM yang perlu dilihat dengan serius untuk memupuk minat murid terutamanya di SJK terhadap bahasa Melayu. Kekurangan kefahaman terhadap bahasa Melayu mungkin menjadi punca terhadap tahap penurunan minat murid di sekolah jenis kebangsaan terhadap Bahasa Melayu.

Bahan rangsangan seperti teks boleh dianggap sebagai medium utama yang mampu melihat kemampuan murid berfikir dan memahami teks tersebut. Kefahaman terhadap teks merupakan salah satu aspek penting dalam mempertingkatkan penguasaan kemahiran membaca seseorang murid bagi memudahkan sesi pembelajaran dan pengajaran di sekolah. Fitzgerald et al. (2015) mengkaji kesukaran teks bertulis untuk kanak-kanak sekolah rendah dan membuat kesimpulan bahawa beberapa dimensi linguistik; struktur perkataan, makna perkataan, ayat dan ciri-ciri tahap wacana serta hubungan kesemuanya menyumbang kepada kesukaran sesuatu teks. Manakala Bulté

dan Housen (2014) juga membuat satu kesimpulan bahawa pengukuran yang meluas perlu dilakukan bagi mendapat gambaran tentang kesukaran sesuatu penulisan. Ini jelas menunjukkan sistem pengukuran mahupun penilaian terhadap tahap kesukaran sesuatu bahan bacaan memainkan peranan yang penting untuk kebaikan murid-murid

Tambahan pula kebanyakan guru yang mengajar murid bukan penutur natif Bahasa Melayu tidak mempunyai pengkhususan dalam Bahasa Melayu. Lantaran itu, pihak KPM telah menjalankan ujian bagi melihat kecekapan guru bukan pengkhususan Bahasa Melayu yang mengajar Bahasa Melayu di sekolah rendah. Berikut merupakan hasil daripada ujian tersebut:



Rajah 1.1. Pencapaian guru bukan pengkhususan Bahasa Melayu dalam Ujian Kecekapan Bahasa Melayu. (Sumber: Pelan hala tuju pendidikan Bahasa Melayu 2016-2025)

Rajah 1.1 jelas menunjukkan hanya 21.4% guru bukan pengkhususan Bahasa Melayu sesuai mengajar Bahasa Melayu di sekolah. Manakala 37.8% perlu mengikuti kursus bagi memantapkan pengajaran Bahasa Melayu dan 21.4% tidak sesuai untuk mengajar Bahasa Melayu. Ini menunjukkan bahawa masih terdapat kekurangan kepakaran dalam pengajaran Bahasa Melayu kepada murid bukan penutur natif Bahasa Melayu di peringkat rendah serta memerlukan bantuan atau kajian agar pengajaran mereka lebih berkesan..

Terdapat beberapa kajian membabitkan bahan pengajaran dan pembelajaran berbentuk pembangunan modul bagi membantu atau menangani kelemahan pengajaran dalam kalangan guru agar hasil pembelajaran dapat dicapai. Kajian sebegini yang melibatkan reka bentuk dan pembangunan bahan pengajaran sangat sesuai digunakan (Nur Nazuha dan Nordin Mamat, 2018) untuk membantu pedagogi guru serta sesuai dengan persekitaran pengajaran (Alhelmi, 2021; Spatioti et al., 2022). Terdapat beberapa kajian yang telah dijalankan di oleh pengkaji sebelum ini berkaitan bidang bahasa Melayu. Kajian ini melihat banyak kecenderungan daripada pengkaji terdahulu dalam melihat minat dan persepsi seperti kajian (Chew Fong Peng & Zul Hazmi, 2018; Chew Fong Peng, 2016) melalui soal selidik yang dikemukakan tanpa diiringi dengan instrumen yang boleh membantu murid-murid untuk lebih mahir dan memahami Bahasa Melayu. Meskipun terdapat kajian mengenai sebutan atau fonologi murid dalam mempelajari bahasa Melayu (Chew Fong Peng, 2016; Lim Hui Woan & Lim Sui Hui, 2017), jelas menunjukkan aspek bunyi atau fonologi tidak mempengaruhi pemahaman murid dalam mempelajari bahasa Melayu (Chew Fong Peng, 2016).

Selain itu, terdapat kajian yang melihat kepada kemahiran berfikir dalam subjek Bahasa Melayu (Chew Fong Peng & Zul Hazmi, 2018), persepsi dan sebutan murid (Chew Fong Peng, 2016), dan faktor yang mempengaruhi murid (Ooi Chwee Hwa & Vijayaletchumy, 2017; Saraswathy et al., 2017) dalam pembelajaran Bahasa Melayu. Di samping itu, terdapat juga kajian yang telah dijalankan berkaitan strategi pembelajaran di sekolah rendah (Mohd Helmi, & Roslina; 2016, Yazid, 2017) sekolah menengah (Zamri et al., 2016; Mohd Hazli & Maimun, 2018), pengajian tinggi dalam negara (Fawzia & Victoria, 2015; Seyed Hassan & Abdolreza, 2016; Msaddek, 2016) serta luar negara (Zamri et al., 2014; Manjet Kaur, 2015; Teng & He, 2015; Roshidah, 2017; Sutthisan & Kongsoongnoen, 2017). Meskipun terdapat banyak kajian yang telah dijalankan, penyelidik melihat kajian Ooi Chwee Hwa & Vijayaletchumy (2017) dan Saraswathy et al. (2017) tentang faktor yang mempengaruhi murid bukan penutur natif dalam mempelajari Bahasa Melayu boleh dipertingkatkan lagi. Kajian yang membabitkan kefahaman membaca khususnya kepada murid bukan penutur natif yang berada di tahap dua kurang diketengahkan. Bukan itu sahaja, kajian di peringkat antarabangsa yang menjurus kepada murid bukan penutur natif berkaitan kefahaman membaca turut tidak banyak dilakukan (rujuk 2.7.2.1). Oleh itu, kajian ini cuba mengetengahkan kajian terhadap murid bukan penutur natif bahasa Melayu tahap dua (Tahun 5) berkaitan kefahaman membaca.

Kefahaman terhadap bahan bacaan amat penting agar murid menjadi pembaca yang efektif seumur hidup hasil daripada memahami maklumat dan menghayati teks yang dibaca. Sağirli (2019) turut menekankan kemahiran membaca perlu merangkumi aspek kefahaman, penafsiran dan berfikir. Pendapat ini turut dipersetujui oleh Gani, Yusuf, & Susiani (2016) yang menyatakan kefahaman membaca merupakan proses

yang rumit, melibatkan proses kognitif dan membina makna serta melibatkan interaksi pembaca, teks dan konteks dalam petikan. Dalam membantu murid untuk memperoleh makna daripada teks, guru perlu membantu murid dengan mengaitkan pengetahuan serta pengalaman sedia ada murid dan murid perlu strategi yang pelbagai untuk meningkatkan kefahaman membaca (Zahoor ul Haq, Bushra Ahmad Khurram, & Arshad Khan Bangash, 2019). Kebolehbacaan terhadap teks merupakan aspek penting dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu sesuai dengan tahap dan kemampuan seseorang murid.

Kebolehbacaan teks yang sesuai untuk pembaca diperlukan bagi mendapatkan refleksi dan penglibatan positif dalam pengajaran dan pembelajaran (Kamarulzaman, Ahmad Sabri Noh dan Nik Mohd Rahimi, 2017) serta berupaya mempertingkatkan kefahaman murid (Aisyah Sjahrony, Maimun Aqasha dan Nik Mohd Rahimi, 2017).

Kebolehbacaan merujuk kepada tahap atau darjah susah atau senang sesuatu bahan untuk dibaca (Khadijah Rohani, 2001; Nur Hidayah dan Maharam Mamat, 2018). Dahlia Janan (2011) menyifatkan kebolehbacaan seseorang murid itu merupakan proses padanan kompleks yang melibatkan interaksi dinamik antara pembaca dan teks serta terikat dengan konteks tertentu. Ini jelas menunjukkan bahawa keupayaan seseorang murid itu untuk membaca berkait rapat dengan teks. Bahan yang sukar dibaca mempunyai tahap kebolehbacaan yang tinggi, manakala bahan bacaan yang mudah dan senang untuk difahami mempunyai kebolehbacaan yang rendah (Muhammad Haron Husaini et al., 2014; Kamarulzaman, Ahmad Sabri Noh dan Nik Mohd Rahimi, 2017).

Selain itu, kebolehbacaan turut merupakan satu gabungan aspek-aspek dalam bahagian tertentu daripada sesuatu bahan cetak yang mempengaruhi kejayaan pembaca

untuk membaca (Dale dan Chall, 1948) dan memadankan seseorang pembaca dengan sesebuah teks. Jika seseorang murid diberi bahan bacaan yang terlalu mudah dan tidak cukup mencabar akan menyebabkan pertumbuhan pembelajaran mereka boleh terbantut (Chall dan Conard, 1991). Manakala pelajar yang diberikan bahan bacaan yang terlalu sukar boleh gagal mencapai kemajuan (Gambrell, Wilson dan Gantt, 1981). Tahap kebolehbacaan yang sesuai sangat perlu untuk menarik minat dan motivasi murid supaya terus menggunakannya (Salasiah Hanin Hamjah et al., 2011) serta mampu menambah kemahiran membaca pelajar dalam proses mempelajari bahasa asing (Kamarulzaman Abdul Ghani, 2011). Jika dilihat secara umum keadaan pendidikan bahasa Melayu di Malaysia, khususnya di sekolah jenis kebangsaan, Saraswathy et al., (2017) menyifatkan murid di Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) menunjukkan keinginan belajar bahasa Melayu dengan menggunakan kaedah pembelajaran bahasa

Terdapat pelbagai kajian di Malaysia yang melihat kekerapan penggunaan dan gaya strategi dalam pembelajaran bahasa Melayu (Baharudin & Radzi, 2015; Mohd Hazli Alias & Maimun Aqsha Lubis, 2018; Mukhlis Abu Bakarr, 2017; Noraini Ibrahim & Radha M.K. Nambiar, 2010; Noor Zuhidayah & Siti Saniah, 2016; Mohamad Yazid Mohamad, 2017; Zamri Mahamod, Jamaludin Badusah, Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff, 2014; Zamri Mahamod, Kamariah Ayu Ab. Ghani, & Wan Muna Ruzanna Wan Mohammad, 2016) serta kajian yang menggunakan pelbagai strategi membaca (Mohd Helmi Pangat & Puteri Roslina Abdul Wahid, 2016; Yahya Othman et al., 2013) dalam pengajaran bahasa Melayu sebagai bahasa kedua mahupun bahasa asing yang meliputi murid di sekolah rendah sehingga ke peringkat universiti. Kajian-kajian seperti ini dilihat penting kerana kesedaran guru terhadap penggunaan strategi membaca



mempengaruhi keupayaan membaca pembaca bagi bahasa asing secara umum (Ghahari & Basanjideh, 2017).

Meskipun terdapat kepelbagaian strategi dalam membantu para pelajar untuk membaca dan memahami teks bahasa Melayu, tetapi dalam penyelidikan ini, penyelidik melihat perlunya suatu medium pengajaran berbeza yang menggunakan pendekatan bahasa asing dalam membantu para murid mempelajari bahasa Melayu khususnya murid sekolah rendah agar dapat membantu mereka membaca dan memahami teks yang dibaca dan mencapai tahap literal yang tinggi (Roe & Smith, 2012). Rentetan daripada itu, modul pengajaran kefahaman membaca bahasa Melayu melalui pendekatan pengajaran bahasa asing memerlukan kajian seperti pengurusan kelas, penggunaan bahasa dan kaedah pengajaran (Macias, 2018) yang sesuai dengan bahasa Melayu.



Dalam pengajaran bahasa asing, pelbagai strategi dan kemahiran dalam kelas perlu bagi seseorang pelajar (Michinov, Brunot, Le Bohec, Juhel dan Delaval, 2011; Salmon, 2013; Tsan dan Cheng, 2016) bukan hanya kemahiran asas bahasa, tetapi budaya dan perspektif pelajar bahasa tersebut (Atmaca dan Gunday, 2016).

Ornstein dan Hunkins (2013) turut menyatakan bahawa penekanan terbaik ialah pembelajaran berdasarkan keperluan masyarakat yang diperlukan oleh semua kelas sosial dan matlamat pendidikan adalah memastikan peradaban atau warisan masyarakat diteruskan. Kajian ini juga perlu mengambil kira model, panduan dan prosedur yang berkesan untuk dijadikan garis panduan dan penambahbaikan (Rohana Hamzah dkk., 2017). Tujuan pengajaran dan pembelajaran melalui pendekatan pengajaran bahasa asing bukan sahaja supaya seseorang mampu menggunakannya untuk berkomunikasi





(Azman Ce Mat & Goh Ying Soon, 2010) malah mahir dan menguasai bahasa tersebut dengan baik.

1.3 Penyataan Masalah

Masih terdapat murid bukan penutur natif Bahasa Melayu masih mengalami masalah kefahaman membaca bahasa Melayu kerana bahasa Melayu bukan bahasa ibunda mereka. Tambahan pula bahasa pertuturan seharian mereka di rumah bukanlah bahasa Melayu dan sudah pasti dipengaruhi bahasa ibunda (Lim Hui Woan & Lim Sui Hui, 2017; Othman & Shaid, 2021) mereka sendiri. Jika dilihat dalam situasi begini, bertepatan dengan pendapat Moeller & Catalano (2015) yang menyatakan bahawa bahasa asing merupakan bahasa bukan penutur natif di luar persekitaran yang biasa digunakan. Oleh kerana bahasa Melayu merupakan bahasa yang di luar persekitaran mereka, kelemahan mereka untuk menguasai bahasa Melayu terutamanya melibatkan kefahaman membaca perlu dilihat dalam konteks yang berbeza.

Di samping itu, pencapaian murid bukan penutur natif Bahasa Melayu di akhir persekolahan peringkat rendah melalui Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) menunjukkan masih ramai tidak menguasai tahap minimum dalam mata pelajaran Bahasa Melayu Pemahaman. Berdasarkan data dari Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dalam Pelaporan Pentaksiran Sekolah Rendah bagi mata pelajaran Bahasa Melayu Pemahaman, terdapat 10.19% murid dari SJK tidak menguasai tahap minimum pada tahun 2018 dan meningkat kepada 10.31% pada tahun 2019. Bagi tahun 2018 sahaja seramai 9 997 (10.19%) daripada 98 108 calon yang menduduki ujian bagi mata



pelajaran tersebut tidak mencapai tahap minimum. Bukan itu sahaja, jurang perbezaan ini semakin melebar bagi murid yang cemerlang daripada 17.71% pada 2018 menurun kepada 14.77% pada 2019. Berikut merupakan taburan peratus bagi mata pelajaran ini:

Jadual 1.2


Keputusan Bahasa Melayu Pemahaman SJK Tahun 2018 dan 2019

Gred	2018	2019
	Peratusan	Peratusan
A (Cemerlang)	17.71%	14.77%
B (Baik)	24.35%	24.02%
C (Memuaskan)	23.06%	24%
D (Mencapai Tahap Minimum)	24.69%	26.90%
E (Belum Mencapai Tahap Minimum)	10.19%	10.31%

Sumber: Pelaporan Pentaksiran Sekolah Rendah Tahun 2018 & 2019

Jadual 1.2 juga menunjukkan bahawa bilangan murid yang mencapai sekurangnya tahap baik dan cemerlang hanya sebanyak 42.06% pada tahun 2018 dan menurun kepada 38.79% pada 2019. Peratusan ini menunjukkan bahawa masih terdapat sebilangan besar murid di SJK tidak menguasai Bahasa Melayu dengan baik terutamanya dalam kertas pemahaman. Ini memaparkan bahawa penguasaan bahasa Melayu secara puratanya masih belum mencapai peratusan yang boleh dibanggakan meskipun keseluruhan murid yang mencapai sekurang-kurangnya tahap minimum tinggi.

Bukan itu sahaja, guru bukan pengkhususan Bahasa Melayu yang mengajar mata pelajaran Bahasa Melayu di sekolah rendah agak tinggi bagi beberapa negeri di Malaysia. Berikut merupakan data berkaitan bilangan peratus guru bukan pengkhususan Bahasa Melayu di sekolah rendah yang mengajar Bahasa Melayu:



Rajah 1.2. Bilangan peratus guru bukan pengkhususan Bahasa Melayu Sekolah Rendah. (Sumber: Pelan hala tuju pendidikan Bahasa Melayu 2016-2025)

Rajah 1.2 menunjukkan bilangan guru bukan pengkhususan Bahasa Melayu yang mengajar Bahasa Melayu di sekolah rendah. Pulau Pinang (53.2%) dan Johor (51.5%) mencatat bilangan tertinggi bilangan guru bukan pengkhususan Bahasa Melayu yang mengajar Bahasa Melayu di sekolah rendah. Pihak KPM turut memeriksa 69 buah Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) dan 34 buah Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) pada tahun 2016. Hasil daripada pemeriksaan tersebut, 82.7% guru bukan



pengkhususan Bahasa Melayu mengajar Bahasa Melayu di SJKC dan 80.3% guru bukan pengkhususan Bahasa Melayu mengajar Bahasa Melayu di SJKT.

Selain itu, Saraswathy et al. (2017) turut menambah bahawa pencapaian murid-murid di SJKT ini turut bergantung kepada pembelajaran dan pengalaman lampau murid-murid tersebut. Manakala Chew Fong Peng (2016) menegaskan peranan guru sangat penting untuk memupuk minat membaca dalam kalangan murid bukan penutur natif Bahasa Melayu kerana Bahasa Melayu merupakan bahasa kedua mereka. Beliau turut menyifatkan murid bukan penutur natif Bahasa Melayu kurang gemar membaca bahan bacaan Bahasa Melayu kerana faktor kebudayaan, pengaruh rakan dan keluarga. Ini menunjukkan bahawa pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu di sekolah-sekolah rendah perlu diperbaiki agar dapat membantu murid-murid mempelajari Bahasa Melayu dengan baik (Chew Fong Peng, 2016), pengajaran yang menarik (Ooi Chwee Hwa & Vijayaletchumy, 2017) serta perlu disesuaikan dengan latar belakang murid yang bukan penutur natif Bahasa Melayu (Saraswaty et al., 2017).

Berbalik kepada matlamat kajian ini, terdapat beberapa kajian terkini berkaitan kefahaman membaca yang menggunakan pendekatan melalui pemerolehan bahasa asing sebagai wadah untuk membantu murid memahami bahan bacaan. Ini boleh dilihat daripada kajian Aljumah (2020) berkaitan penambahbaikan petikan naratif yang mengambil pandangan Krashen tentang input yang yang boleh difahami memberi inspirasi kepada pelajar. Kajian Aljumah (2020) turut mendapati aktiviti bacaan petikan merupakan proses maklumat secara kolektif kepada kontekstual pelajar yang turut





membantu dalam penulisan pelajarannya. Selain itu, kajian tersebut menunjukkan bacaan petikan dan latihan pemahaman dapat ditingkatkan.

Kajian Aljumah (2020) turut senada dengan kajian Tengku Mahadi et al., (2018) berkaitan input yang boleh difahami (Teori Krashen). Kajian Tengku Mahadi et al., (2018) turut menambah bahawa bahan bacaan yang relevan dengan latar belakang pengetahuan pembaca dapat membantu pembaca terhadap kefahaman petikan serta penulisan pembaca. Hal ini boleh dilihat melalui kajian Kuo & Chi (2014) yang membangunkan bahan bacaan berpandukan kepada teori pemerolehan bahasa Krashen yang menitikberatkan bahan bacaan berdasarkan persekitaran pembaca. Kebolehan membaca dan kosa kata dilihat memainkan peranan dalam kefahaman membaca. Kajian ini mencadangkan agar petikan atau bahan bacaan yang merangkumi persekitaran penutur bukan natif dijadikan sebagai bahan bacaan yang sesuai untuk membantu pembaca memahami petikan dan mengekalkan motivasi pembelajaran yang positif.

Selain itu, bukan sahaja aspek pengajaran mahupun bahan bacaan diambil kira dalam pendekatan pengajaran bahasa asing, tetapi turut melibatkan aspek motivasi atau afektif. Kajian Gan (2021) yang melihat kepada teori Krashen berkaitan aspek afektif mendapati terdapat kebimbangan terhadap pemahaman teks yang melibatkan bahasa bukan penutur natif pembaca. Faktor pengajaran bacaan perlu mengambil kira aspek psikologi dan budaya melalui teks bagi menggalakkan keyakinan diri pelajar. Hal ini kerana aktiviti membaca bukan sahaja melibatkan pembinaan semula makna dengan komponen teks (perkataan, frasa, ayat) tetapi melibatkan komponen teks tambahan (*extra-text component*) bagi petikan yang dibaca.





Melihat kepada kajian terkini, kajian Nguyen & Dang (2022) menggunakan pendekatan berasaskan teks dengan menerapkan prinsip pemerolehan bahasa bersama penglibatan emosi dan kognitif pada pelajar sekolah menengah. Kajian mereka turut menyediakan aktiviti berbentuk *scaffolding* terhadap tugas serta menerapkan komunikasi yang membabitkan budaya. Temu bual dengan pelajar mendapati bahawa pendekatan sebegini menarik dan memberi kesan kepada pembelajaran mereka. Kajian tersebut menunjukkan kefahaman membaca pelajar dapat ditingkatkan, pelajar berasa lebih terlibat dalam pembelajaran dan bermotivasi untuk membaca. Berdasarkan kajian-kajian lalu yang menggunakan pendekatan pengajaran bahasa asing sama ada melalui pengajaran mahupun bahan bacaan, masih kurang bahan yang melibatkan murid sekolah rendah tahap dua (*upper elementary*). Oleh itu, kajian ini amat berminat untuk menerapkan pendekatan pengajaran bahasa asing melalui teori pemerolehan bahasa asing sebagai medium untuk membantu murid bukan penutur natif bahasa Melayu memahami petikan.

1.4 Tujuan Kajian

Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk membangunkan modul pengajaran Bahasa Melayu bagi mengatasi masalah yang dihadapi murid yang bukan penutur jati Bahasa Melayu terutamanya di Sekolah Jenis Kebangsaan (SJK). Dalam membangunkan modul pengajaran ini, kajian ini akan mengenal pasti keperluan murid yang sukar memahami petikan Bahasa Melayu meskipun mereka mampu untuk membaca petikan tersebut. Berdasarkan pendekatan yang diambil daripada teori pemerolehan bahasa asing, pembelajaran bahasa serta model berkaitan kefahaman membaca, sebuah modul





pengajaran dibangunkan agar dapat mengatasi kelemahan murid bukan penutur natif untuk memahami kandungan petikan dalam pengajaran dan pembelajaran khususnya mata pelajaran Bahasa Melayu. Modul yang dibangunkan turut berteraskan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) agar modul ini relevan dan mencapai tahap standard untuk kegunaan para pendidik. Penyelidik berharap penghasilan modul dapat memudahkan pengajaran guru dan memberi kesan yang positif terhadap kemahiran kefahaman membaca murid di sekolah rendah khususnya yang melibatkan bukan penutur natif Bahasa Melayu.

1.5 Objektif Kajian

Berdasarkan pernyataan masalah yang telah dibincangkan sebelum ini, kajian ini memberi fokus untuk pengumpulan maklumat tentang keperluan membangunkan modul pengajaran kefahaman membaca melalui pendekatan Bahasa Melayu sebagai bahasa asing bagi murid di Sekolah Jenis Kebangsaan (SJK) dalam subjek Bahasa Melayu. Objektif utama dalam kajian ini adalah untuk menghasilkan sebuah modul pengajaran kefahaman membaca Bahasa Melayu melalui pendekatan pengajaran bahasa asing bagi murid bukan penutur natif mengikut fasa-fasa seperti berikut:

- i. mengenal pasti keperluan modul pengajaran kefahaman membaca Bahasa Melayu melalui pendekatan pengajaran bahasa asing.
- ii. merangka dan membangunkan modul pengajaran kefahaman membaca Bahasa Melayu melalui pendekatan pengajaran bahasa asing mengikut konsensus pakar.



- iii. menilai kebolegunaan modul pengajaran kefahaman membaca Bahasa Melayu melalui pendekatan pengajaran bahasa asing.

1.6 Soalan Kajian

Berdasarkan objektif kajian yang telah dinyatakan, soalan kajian akan dibahagikan kepada tiga fasa; Fasa Analisis Keperluan, Fasa Reka bentuk dan Pembangunan serta Fasa Penilaian. Berikut adalah soalan-soalan kajian yang telah dibentuk:

1.6.1 Fasa Satu: Analisis Keperluan

Soalan 1: Apakah keperluan modul pengajaran kefahaman membaca Bahasa Melayu melalui pendekatan pengajaran bahasa asing?

1.1) Apakah pandangan pakar tentang keperluan modul pengajaran kefahaman membaca Bahasa Melayu melalui pendekatan pengajaran bahasa asing?

1.2) Apakah dapatan daripada buku kerja murid tentang keperluan modul pengajaran kefahaman membaca Bahasa Melayu melalui pendekatan pengajaran bahasa asing dibangunkan?

1.6.2 Fasa Dua: Reka bentuk dan Pembangunan

Soalan 2: Bagaimanakah reka bentuk modul pengajaran kefahaman membaca Bahasa Melayu melalui pendekatan pengajaran bahasa asing?

- 2.1) Apakah kandungan yang sesuai dalam modul pengajaran kefahaman membaca Bahasa Melayu melalui pendekatan pengajaran bahasa asing?
- 2.2) Apakah hasil pembelajaran yang boleh digunakan dalam membangunkan modul pengajaran kefahaman membaca Bahasa Melayu melalui pendekatan pengajaran bahasa asing mengikut pandangan pakar?
- 2.3) Apakah kaedah pengajaran kefahaman membaca Bahasa Melayu melalui pendekatan pengajaran bahasa asing mengikut pandangan pakar?
- 2.4) Bagaimanakah modul pengajaran kefahaman membaca Bahasa Melayu melalui pendekatan pengajaran bahasa asing dibangunkan?

1.6.3 Fasa Tiga: Penilaian Modul Pengajaran

Soalan 3: Apakah penilaian modul pengajaran kefahaman membaca Bahasa Melayu melalui pendekatan pengajaran bahasa asing daripada pandangan pengguna?

- 3.1) Apakah tahap kebolegunaan modul pengajaran kefahaman membaca Bahasa Melayu melalui pendekatan pengajaran bahasa asing?

1.7 Batasan Kajian

Kajian ini bertujuan bagi membangunkan dan menilai kebolegunaan modul pengajaran kefahaman membaca Bahasa Melayu melalui pendekatan pengajaran bahasa asing di Sekolah Jenis Kebangsaan (SJK). Kajian ini juga hanya melibatkan pengajaran Bahasa Melayu Tahun 5 khususnya kefahaman membaca di SJK. Kajian ini terhad kepada murid bukan penutur natif yang mampu membaca bahan bacaan Bahasa Melayu. Kajian ini juga berbentuk penyelidikan pembangunan yang membolehkan penyelidik melihat proses pembangunan dalam masa yang sama. Kajian ini bergantung kepada kerjasama yang diberikan oleh peserta kajian. Keperluan dan kesahan dapatan kajian turut bergantung kepada kerjasama yang diberikan oleh para peserta dan kepakaran panel dalam bidang berkaitan kajian melalui soal selidik dan temu bual yang dilaksanakan.

Penilaian kebolegunaan modul ini pula melibatkan guru yang mengajar murid dalam kemahiran membaca di Sekolah Jenis Kebangsaan dalam mata pelajaran Bahasa Melayu. Modul pengajaran ini merangkumi aspek kaedah pengajaran yang sesuai serta model yang berkaitan dengan kefahaman membaca bagi murid yang mempelajari Bahasa Melayu melalui pendekatan pengajaran bahasa asing. Oleh itu, maklumat yang diperoleh melalui kajian ini tidak boleh digeneralisasikan kepada semua murid kerana kajian yang dilaksanakan adalah spesifik kepada konteks kajian dan bukan bertujuan untuk membuat kesimpulan secara umum.



1.8 Kepentingan Kajian

Secara umumnya kajian ini dapat mengembangkan lagi pengaruh Bahasa Melayu di peringkat global dan membantu murid ataupun pengguna bukan penutur natif di Malaysia menguasai Bahasa Melayu dengan kaedah pengajaran dan pembelajaran yang sesuai. Ibrahim, Bombieri, & Varenina, (2020) mendapati punca penurunan prestasi akademik mungkin disebabkan beban, keletihan pada kanak-kanak yang boleh menyebabkan kerugian terhadap mata pelajaran sasaran. Kajian pembangunan modul pengajaran kefahaman membaca Bahasa Melayu melalui pendekatan pengajaran bahasa asing ini turut memberikan hasil yang boleh membantu para murid untuk lebih menguasai Bahasa Melayu di peringkat rendah. Hasil daripada dapatan kajian boleh dijadikan panduan dan memberikan manfaat yang besar kepada pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) secara amnya.

Kajian ini dijalankan dengan harapan penyelidik dapat memberi sumbangan yang bermanfaat kepada pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) serta institusi-institusi di bawahnya, bidang penyelidikan, bidang pendidikan dan juga dalam bidang kebudayaan bangsa. Selain daripada itu, kajian ini dapat mengenal pasti faktor-faktor yang mempengaruhi kefahaman membaca, pengajaran dan pembelajaran berkaitan kefahaman membaca Bahasa Melayu khususnya di peringkat awal pendidikan. Di samping itu, modul pengajaran yang sesuai diharap dapat mengurangkan jurang ketidakfahaman terhadap bahan bacaan Bahasa Melayu dalam kalangan bukan penutur natif. Selain itu, kajian ini juga merupakan salah satu usaha bagi memperkasakan penggunaan Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan serta



diharap dapat mengisi lompang dalam dunia pendidikan Bahasa Melayu sekali gus membuka satu cabang baharu dalam menjadikan Bahasa Melayu sebagai bahasa yang bersifat global.

1.8.1 Bidang Penyelidikan

Kajian ini melibatkan pembangunan modul yang merangkumi pelbagai kaedah, model mahupun teori baharu berkenaan penggunaan Bahasa Melayu sebagai bahasa asing dibangunkan. Ini juga merupakan satu cabang baharu dalam bidang pendidikan Bahasa Melayu. Pendidik mahupun penyelidik bahasa seharusnya sentiasa mencari peluang dan ruang dalam berkongsi kepakaran dan memahami lebih lanjut tentang dunia penyelidikan bahasa serta melihat dari sudut pandang yang berbeza (Fox, Corretjer, & Webb, 2019). Pelbagai penyelidikan boleh dilakukan agar Bahasa Melayu sentiasa menjadi pilihan ramai masyarakat dunia seiring dengan harapan para cendekiawan dan pejuang Bahasa Melayu. Data daripada reka bentuk modul yang dibentuk melalui kesepakatan pakar dapat digunakan sebagai salah satu kaedah bagi membangunkan lebih banyak modul yang melibatkan pelbagai kemahiran dalam Bahasa Melayu. Para penyelidik lain turut berpeluang untuk mengkaji tentang kepenggunaan modul dalam kemahiran bahasa yang lain sama ada di peringkat nasional mahupun antarabangsa.

1.8.2 Bidang Pendidikan

Dalam bidang pendidikan, kajian ini boleh diguna pakai di kebanyakan institusi pendidikan awam, swasta mahupun kerajaan dalam pengajaran Bahasa Melayu sebagai

subjek pilihan di universiti terbabit. Selain itu, institusi pendidikan di luar negara boleh menerapkan penggunaan kajian ini sebagai satu medium dalam penyampaian ilmu. Institusi dalam negara pula seperti sekolah rendah; sekolah kebangsaan, sekolah jenis kebangsaan dan sekolah antarabangsa yang mempunyai murid dalam kalangan bukan penutur natif Bahasa Melayu boleh menggunakan hasil kajian ini dalam pengajaran Bahasa Melayu. Berdasarkan pengalaman murid, modul pengajaran didapati menarik dan sangat berguna dalam pengajaran dan pembelajaran (Fatima, Naz, Zafar, Fatima, & Rasool Khan, 2020). Dapatan daripada kajian ini turut boleh membantu bahagian perkembangan kurikulum dalam menyediakan modul atau bahan yang lebih bersesuaian untuk murid dalam mempelajari Bahasa Melayu dengan mengambil kira kandungan serta keperluan dalam kajian ini yang boleh dikemaskini mengikut keperluan semasa.

1.8.3 Bidang Warisan Kebudayaan

Seiring dengan perkembangan Bahasa Melayu di peringkat antarabangsa, kebudayaan Melayu itu sendiri dapat diterapkan dan diperkenalkan secara meluas ke seluruh pelosok dunia melalui budaya atau bahan bacaan sastera. Hal ini kerana pembelajaran bahasa dan budaya merupakan proses aktif yang melibatkan penyertaan pelajar (Putistina, Kvasyuk & Savateeva, 2019). Cara sebegini juga dapat mempromosikan kebudayaan Melayu secara tidak langsung melalui medium sastera dan seni Melayu. Meskipun fokus utama kajian ini menerapkan latar belakang atau persekitaran penutur bukan natif Bahasa Melayu, tetapi pengajaran yang berkait dengan bahan bacaan sastera turut diketengahkan. Melalui pengajaran yang sesuai, bahan bacaan sastera

seperti pantun, sajak mahupun syair merupakan salah satu bentuk wacana yang menerapkan warisan kebudayaan Melayu yang boleh ditonjolkan di mata dunia.

Oleh itu, kajian ini amat relevan kerana dapat menghasilkan satu reka bentuk modul yang mempunyai matlamat dalam membantu bidang pendidikan terutama bagi penutur bukan natif Bahasa Melayu di peringkat pendidikan rendah mahupun tinggi.

1.9 Definisi Operasional

1.9.1 Kebolegunaan

Kebolegunaan di dalam kajian ini memberi penekanan kepada penilaian kebolegunaan modul dalam kalangan pengguna yang dilaksanakan pada fasa ketiga. Kebolegunaan boleh diertikan sebagai kualiti yang terzahir antara interaksi manusia dengan produk, sistem atau perkhidmatan yang dicipta oleh pemikiran dan hasil tangan manusia (Djalev & Bogdanov, 2019), sifat kebolegunaan produk yang diukur melalui pengalaman pengguna (Nokelainen, 2006) serta merupakan faktor utama dalam keberkesanan dan penggunaan bahan pembelajaran (Kumar, Emory, & Choppella, 2018). Kajian ini memberi fokus kepada kebolegunaan pedagogi yang dilihat amat sesuai dalam bidang pendidikan terutama yang melibatkan pengajaran dan pembelajaran kerana kebolegunaan pedagogi adalah ciri penting yang menyokong pembelajaran dan berkait dengan nilai tambah bahan pembelajaran yang dibangunkan semasa pengguna menggunakannya untuk pengajaran dan pembelajaran. Kajian ini mengambil model kebolegunaan pedagogi (*Pedagogical Usability*) daripada



Nokelainen (2006) sebagai sandaran dalam melihat kebolegunaan modul yang telah dibangunkan.

1.9.2 Modul Pengajaran

Modul merupakan bahan yang mampu untuk mengembangkan serta menilai dan menggunakan pelbagai bentuk media dalam mengoptimumkan arahan kepada murid (Russell, 1974) untuk memenuhi keperluan murid yang berbeza-beza kerana perbezaan individu (Lucila, 2004). Selain itu, modul juga dianggap sebagai bahan yang meliputi pengajaran dan pembelajaran yang membincangkan sesuatu tajuk tertentu secara sistematik dan berturutan bagi memudahkan murid untuk menguasai sesuatu unit dengan mudah dan tepat (Sidek Mohd Noah & Jamaludin Ahmad, 2005) dalam menghasilkan pembelajaran yang berkesan (Abdul Hanid Halit, 2012) sama ada dalam bentuk cetakan secara elektronik mahupun tidak (Wiley, 2016).

Pengajaran pula merujuk kepada suatu kerja yang membantu manusia untuk belajar perkara yang berfaedah (Feiman-Nemser & Buchmann, 1986) dalam aktiviti yang profesional serta mengambil kira kemahiran dan kecekapan murid yang diperlukan (Hargreaves, 1996) mengenal pasti cara murid berfikir bagi membantu serta membimbing murid dan menilai pencapaian murid (Ball & Forzani, 2007; Cohen et al., 2003). Pengajaran juga merupakan proses dalam membantu pencapaian murid untuk menghadapi masa hadapan (Coe, Aloisi, Higgins, & Major, 2014; Siti Noor Ismail et al., 2019) serta berkait rapat dengan strategi guru membentuk persekitaran





pembelajaran, serta mempengaruhi motivasi dan pencapaian murid (Siti Noor Ismail et al., 2019).

Manakala modul pengajaran pula ialah modul yang mengandungi unsur-unsur penting yang dapat memberi gambaran tentang proses pengajaran (Nor Asniza Ishak et al., 2013). Zanariah (2017) menyatakan modul pengajaran lebih disifatkan satu proses yang sengaja dirancang dengan objektif dan isi yang dipilih khas untuk disesuaikan dengan murid dan mengikut kebolehan sendiri bagi membantu mereka memperoleh dan mengukuhkan lagi pengetahuan (Alijah, 2016). Modul pengajaran dalam konteks kajian merupakan bahan yang merangkumi proses-proses pengajaran, objektif dan isi yang dipilih khas bersesuaian dengan murid untuk mengukuhkan lagi pengetahuan dan menilai pencapaian mereka. Dalam kajian ini, modul pengajaran bermakna modul yang mengandungi proses pengajaran dalam kefahaman membaca untuk murid bukan penutur natif yang dirancang mengikut objektif dan isi yang telah dipilih bagi membantu murid dalam kefahaman membaca serta mengukuhkan lagi pengetahuan mereka. Modul ini turut mengandungi empat komponen; modul pengajaran, modul murid, laman sesawang dan aplikasi telefon pintar.

1.9.3 Kefahaman Membaca

Kefahaman membaca merupakan tingkah laku umum dan khusus dalam komunikasi yang melibatkan pemahaman literal yang tinggi (Roe & Smith, 2012) dan keupayaan memahami idea-idea dalam teks secara langsung (Ghaith & El-Sanyoura, 2019).



Kefahaman membaca juga merujuk kepada tindakan pembaca yang memahami kandungan teks dan menggunakan pengetahuan sedia ada dalam memperoleh makna (Kodan & Akyol, 2018) penggunaan perbendaharaan kata untuk memahami teks atau maklumat bertulis (Barzegar & Fazilatfar, 2019). Oleh itu, kefahaman membaca dalam konteks kajian ini merujuk kepada elemen kandungan, strategi pengajaran, bentuk petikan, aktiviti pengajaran dan latihan bagi pengajaran kefahaman membaca. Kefahaman membaca dalam konteks kajian ini turut memberi fokus berdasarkan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (2018) bagi mencapai objektif seperti berikut:

- i) Membaca dan memahami ayat yang mengandungi perkataan berimbuhan pinjaman daripada pelbagai sumber dengan sebutan yang betul
- ii) Membaca kuat pelbagai jenis ayat serta ayat tunggal dan ayat majmuk berbilang subjek dan predikat daripada sesuatu bahan bacaan dengan lancar, sebutan yang jelas, intonasi yang betul, berjeda dan mengikut tanda baca
- iii) Membaca dan memahami maklumat daripada bahan bukan naratif untuk membuat ulasan dengan betul
- iv) Membaca dan memahami maklumat yang tersurat dan tersirat dengan tepat daripada bahan untuk membuat sesuatu keputusan dengan betul
- v) Membaca, memahami, mengkategorikan maklumat daripada pelbagai bahan dan memindahkan maklumat dalam bentuk grafik
- vi) Membaca, memahami dan menaakul maklumat dalam bahan grafik dan bahan prosa untuk membandingkan beza maklumat dan memindahkan maklumat; dan
- vii) Membaca pelbagai bahan bacaan sastra untuk meningkatkan daya berfikir secara kritis dan untuk membuat pertimbangan.



1.9.4 Bahasa Asing

Bahasa asing merujuk kepada bahasa bukan penutur natif di luar persekitaran yang biasa digunakan (Moeller dan Catalano, 2015) atau bahasa yang tidak digunakan secara meluas dalam kalangan masyarakat (Allard, Bourdeau, & Mizoguchi, 2010). Ini bermakna Bahasa Melayu boleh menjadi bahasa asing sekiranya seseorang itu menggunakan Bahasa Melayu daripada kebiasaannya dan merupakan bahasa yang di luar persekitarannya. Peng (2019) pula menyatakan bahasa asing ialah bahasa yang digunakan oleh bukan penutur natif. Dalam kajian ini, bahasa asing merujuk kepada bahasa yang digunakan atau dipelajari oleh murid bukan penutur natif yang tidak menggunakan Bahasa Melayu sebagai bahasa utama dalam urusan seharian mereka.



1.10 Rumusan

Bab ini memberi gambaran secara menyeluruh tentang asas kajian yang melibatkan aspek-aspek penting dalam membangunkan modul pengajaran kefahaman membaca Bahasa Melayu melalui pendekatan pengajaran bahasa asing. Bab ini turut membincangkan tentang latar belakang masalah kajian serta pernyataan masalah yang diutarakan bagi mengupas tentang senario atau situasi semasa yang mendorong ke arah penghasilan kajian ini. Objektif kajian dan soalan kajian pula dikemukakan bagi memberi fokus kepada penghasilan modul agar lebih terarah dan memberi gambaran yang tepat dalam menjalankan kajian ini. Manakala kepentingan kajian, batasan kajian dan definisi operasional turut dibincangkan sebagai pendahuluan dalam kajian ini serta menentukan relevannya dalam melaksanakan kajian ini. Huraian dalam tajuk-tajuk



kecil memberi penjelasan yang jelas tentang pembangunan modul pengajaran kefahaman membaca Bahasa Melayu melalui pendekatan pengajaran bahasa asing.